



Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

**PENGURUSAN KRAFTANGAN DI PERBADANAN KEMAJUAN  
KRAFTANGAN MALAYSIA, PAHANG**

**NOR SAADATUL JANNAH BINTI MOHD KAMAL**

**(52957)**

**Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan Dengan Kepujian**

**(Pengurusan Seni)**

**2018**

**PENGURUSAN KRAFTANGAN DI PERBADANAN KEMAJUAN  
KRAFTANGAN MALAYSIA, PAHANG**

NOR SAADATUL JANNAH BINTI MOHD KAMAL

52957

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk  
Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian  
(Pengurusan Seni)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2018

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: \_\_\_\_\_

Please tick (✓)

Final Year Project Report   
Masters   
PhD


DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on the 28 day of MEI 2018.

Student's Declaration:

I **NOR SAADATUL JANNAH BINTI MOHD KAMAL, 52957, FACULTY OF APPLIED & CREATIVE ARTS** hereby declare that the work entitled **PENGURUSAN KRAFTANGAN DI PERBADANAN KEMAJUAN KRAFTANGAN MALAYSIA, PAHANG** is my original work. I have not copied from any student's work or any other sources except where due reference or acknowledge is made explicitly in the next, nor has any part been written for me by another person.

28/05/2018  
Date submitted

  
NOR SAADATUL JANNAH BINTI MOHD KAMAL (52957)

Supervisor's Declaration.

I **PROF. MADYA. DR ANNA DURIN** hereby certifies that the work entitled **PENGURUSAN KRAFTANGAN DI PERBADANAN KEMAJUAN KRAFTANGAN MALAYSIA, PAHANG** was prepared by the above name student, and was submitted to the "FACULTY" as a partial / full fulfillment for the conferment of **BACHELOR OF APPLIED ARTS WITH HONORS (ARTS MANAGEMENT)**, and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by:

  
\_\_\_\_\_

Date: 28/05/2018

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (√)):

- CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)\*
- RESTRICTED** (Contains restricted information as specified by the organization where research was done)\*
- OPEN ACCESS**

**Validation of Project/Thesis**

I therefore duly affirmed with free consent and willingness declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follow

- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalize the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student's Signature: \_\_\_\_\_



Supervisor's signature: \_\_\_\_\_



Current Address.

NO 84, KG KUALA SENTUL

26500 MARAN

PAHANG

Notes: \* If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organization with the period and reasons of confidentiality and restriction.

[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

## PENGAKUAN

Projek bertajuk '**Pengurusan Kraftangan Di Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, Pahang**' telah disediakan oleh **Nor Saadatul Jannah Binti Mohd Kamal** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi isyarat untuk Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian (**Pengurusan Seni**).

Diterima untuk diperiksa oleh:

\_\_\_\_\_  
(Prof. Madya Dr. Anna Durin)

Tarikh : \_\_\_\_\_

## PENGAKUAN PELAJAR

Saya, **Nor Saadatul Jannah Binti Mohd Kamal** mengakui bahawa Projek Tahun Akhir bertajuk “**Pengurusan Kraftangan Di Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, Pahang**” ini adalah merupakan hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, petikan, huraian dan ringkasan yang tiap-tiap satunya saya telah nyatakannya.

.....

Tarikh

.....

(NOR SAADATUL JANNAH

BINTI MOHD KAMAL)

No. Matrik : 52957

## **PENGHARGAAN**

Assalamualaikum dan salam sejahtera, terlebih dahulu, bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana diberi kesihatan tubuh badan dan kekuatan mental dalam menyiapkan kajian saya ini. Walaupun terdapat beberapa kekangan dan masalah yang saya alami sewaktu menjalankan kajian ini, namun saya diberi keizinan dan kurniaNya dalam menempuhi segala cabaran tersebut sehingga saya dapat menyiapkan kajian ini dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Di kesempatan ini, saya mengucapkan ribuan terima kasih tidak terhingga kepada semua pihak yang terlibat sepanjang kajian ini dijalankan. Terutama sekali kepada keluarga saya kerana sentiasa memberi semangat, bantuan dari segi kewangan dan memahami saya sepanjang saya menjalankan kajian ini. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan yang banyak membantu dalam melaksanakan kajian saya ini. Terima kasih juga atas iringan doa yang mereka panjatkan kepada Allah sepanjang tempoh pengajian saya di UNIMAS.

Saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada penyelia projek tahun akhir saya iaitu Prof. Madya Dr. Anna Durin atas dorongan, tunjuk ajar dan bantuan serta nasihat beliau yang sangat meninggalkan kesan sepanjang saya menjalankan kajian saya ini.

Setinggi-tinggi penghargaan juga diucapkan kepada Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, Pahang kerana telah memberi peluang dan keizinan kepada saya untuk melakukan kajian di kawasan tersebut. Malah tidak lupa juga kepada informen yang memberi kerjasama sepenuhnya ketika sesi menemu bual sedang dijalankan.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada semua yang terlibat menjalankan kajian saya ini secara langsung mahupun tidak langsung. Jasa anda semua tidak dapat saya balas hanya dengan ucapan terima kasih dan doa saya sertakan untuk anda semua. Di samping itu, saya juga ingin mengucapkan jutaan kemaafan kepada semua yang terlibat atas kesalahan yang saya lakukan dalam sedar dan tidak sedar. Sesungguhnya yang baik itu datangnya daripada Allah S.W.T dan yang selalu melakukan kesilapan itu datangnya dari diri saya sendiri.

Sekian, terima kasih.



## **ABSTRAK**

Dalam kajian ini pengkaji ingin mengenalpasti pengurusan dalam mempromosikan kraftangan di PKKMPahang. Seterusnya ingin mengkaji penyediaan alatan yang digunakan dalam menghasilkan kraftangan di PKKMPahang dan ingin meneliti cabaran yang dihadapi oleh pihak kraftangan dan cara penyelesaiannya pihak mereka yang telah dilakukan dalam memperbaikinya untuk masa hadapan. Hal ini kerana untuk mengekalkan seni kraftangan sampai bila-bila agar ia berkekalan untuk dikenalkan kepada generasi yang baru.

## SENARAI KANDUNGAN

MUKA TAJUK

PENGESAHAN

PENGAKUAN

PENGAKUAN PELAJAR

PENGHARGAAN

ABSTRAK

SENARAI KANDUNGAN

**Isi Kandungan**

**Muka Surat**

**Bab 1 : Pendahuluan Bab**

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang	2
1.3 Penyataan Masalah	4
1.4 Objektif Kajian	5
1.5 Soalan Kajian	6

1.6 Skop Kajian	7
1.7 Kepentingan Kajian	7
1.8 Rumusan	9

## **Bab 2 : Sorotan Kesusasteraan**

2.1 Pengenalan	10
2.1.1 Kraftangan Manik	11
2.1.2 Kraftangan Anyaman	13
2.1.3 Kraftangan Songket	16
2.1.4 Kraftangan Parang	17
2.1.5 Kraftangan Ukiran Kayu	18
2.1.6 Kraftangan Tembikar Labu Sayong	23
2.1.7 Kraftangan Permainan Tradisional	25
2.2 Kerangka Kerja	26
2.2.1 Pengurusan	26
2.2.2 Promosi	28
2.2.3 Sumber Manusia	29
2.2.4 Produk	31
2.2.5 Kewangan	32

2.3 Rumusan	33
-------------	----

### **Bab 3 : Kajian Metodologi**

3.1 Pengenalan	34
----------------	----

3.2 Kaedah Keperpustakaan	34
---------------------------	----

3.3 Kaedah Pemerhatian	35
------------------------	----

3.4 Kaedah Temu Bual	35
----------------------	----

3.5 Kaedah Dokumentasi	36
------------------------	----

3.6 Kaedah Analisis Kajian	37
----------------------------	----

3.7 Informen	37
--------------	----

3.8 Lokasi Kajian	38
-------------------	----

3.9 Rumusan	39
-------------	----

### **Bab 4 : Hasil Dapatan Kajian**

4.1 Pengenalan	40
----------------	----

4.2 Pengurusan Organisasi	42
---------------------------	----

4.3 Pengurusan Kewangan	48
-------------------------	----

4.4 Pengurusan Aktiviti	53
-------------------------	----

4.5 Pengurusan Sumber Manusia	59
-------------------------------	----

4.6 Pengurusan Promosi	66
4.7 Pengurusan Produk	71
4.8 Cabaran Yang Dihadapi	79
4.9 Langkah Yang Telah Diambil	81
4.10 Rumusan	84
 <b><u>Bab 5 : Kesimpulan Dan Cadangan</u></b>	
5.1 Pengenalan	85
5.2 Perbincangan	85
5.3 Cadangan	88
5.4 Rumusan	91
<b>Rujukan</b>	92
<b>Lampiran</b>	94

## **BAB 1: PENDAHULUAN BAB**

### **PENGURUSAN KRAFTANGAN DI PKKMM, PAHANG**

#### **1.1 Pengenalan**

Kajian ini dilakukan oleh pengkaji untuk mengkaji mengenai pengurusan kraftangan di Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, Pahang (PKKM, Pahang). Hal ini kerana untuk mengetahui dengan lebih mendalam bagaimana pengurusan yang dijalankan di kraftangan, Pahang. Dalam kajian ini juga akan memfokuskan kepada objektif yang telah disediakan bagi memastikan kajian ini berjalan lancar.

Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti pengurusan dalam mempromosikan kraftangan yang terdapat di PKKMM, Pahang. Ini kerana untuk melihat bagaimana cara mereka menarik perhatian orang luar dalam memperkembangkan kraftangan Pahang. Ini juga boleh menjamin keuntungan yang tinggi jika mendapat permintaan yang banyak.

Seterusnya, kajian ini untuk mengkaji penyediaan alatan yang digunakan dalam menghasilkan kraftangan di PKKMM, Pahang. Penyediaan alatan sangat penting kerana kekurangan alatan dalam menyediakan sebuah kraftangan boleh menjejaskan kualitinya. Misalnya, kekurangan sumber bahan mentah atau material yang tinggi dan kekurangan tenaga pakar dalam menghasilkan kraftangan yang berkualiti.

Kajian ini juga dijalankan untuk meneliti cabaran yang dihadapi oleh pihak kraftangan dan cara penyelesaiannya yang telah dilakukan untuk memperbaikinya untuk masa hadapan. Ini juga harus dikaji kerana dengan cabaran yang ada dapat mempertingkatkan lebih tinggi kraftangan yang berada di Pahang. Tambahan lagi, kita seharusnya memperkembangkan

kraftangan yang sediaada bukan sahaja untuk digunakan pada masa kini malah untuk masa hadapan juga. Ini akan menjadi satu barangan yang tidak akan ditinggalkan zaman.

## **1.2 Latar Belakang**

Ini merupakan sejarah latar belakang wujudnya sebuah pusat kraftangan di Kuantan dan Temerloh. Kompleks kraftangan Kuantan telah disiapkan pada tahun 1999 yang terletak di Lot 30850, Kg Pandan II Jalan Pintasan Kuantan-Kuala Terengganu, Kuantan dengan keluasan 15 ekar. Pada 2002 kraftangan Temerloh serta Kuantan telah disatukan dan Kuantan telah terpilih menjadi pusat kraftangan Pahang dan Temerloh merupakan inkubatornya sahaja. Penyatuan ini telah dikenali sebagai Pembangunan Kraf Pahang tetapi pada tahun 2003 nama tersebut telah ditukarkan dari nama asal iaitu Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia Cawangan Pahang atau singkatannya PPKM Cawangan Pahang. Pada tahun 2005 majlis pengisytiharan pusat inovasi kraf kayu dilancarkan oleh Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia. Manakala tenun Pahang telah diiktirafkan sebagai tenun Pahang diraja pada 8 Mei 2006 semasa pelancaran logo dan Program Pembangunan Tenun di Kg Pulau Keladi, Pekan.

PKKM, Pahang telah menubuhkan pusat kraftangan ini dan telah menetapkan visi, misi dan moto untuk pihak kraftangan berpegang kepada matlamat mereka yang telah ditetapkan. Berikut merupakan visi, misi dan moto PPKM, Pahang :

### **VISI**

- Peneraju Transformasi Perkhidmatan Awam Untuk Kesejahteraan Rakyat Menjelang Tahun 2020.

## **MISI**

- Meneraju Tranformasi Penyampaian Perkhidmatan Melalui Tadbir Urus Terbaik Berlandaskan Modal Insan Berintegriti, Berinovasi dan Kreatif Ke Arah Pembangunan Sosio Ekonomi Melalui Perancangan Dan Pengurusan Sumber Secara Holistik Serta Inklusif Bagi Memenuhi Aspirasi Rakyat.

## **MOTO**

- Mudah, Cepat, Telus

Terdapat juga aktiviti yang telah diadakan contohnya mereka telah mengadakan Majlis Perasmian Promosi Kraf Malaysia “Pohpaleh Pahang” yang telah disempurnakan oleh kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Puan Pahang, Tunku Hajjah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum Almutawakkil Alallah Sultan Iskandar ALhaj yang bertempat di East Coast Mall, Kuantan. Majlis ini diadakan bersempena penganjuran kali ke-6 Promosi Kraf Malaysia dan pelbagai aktiviti yang diadakan iaitu jualan kraf oleh 53 usahawan kraf, peragaan pakaian batik negeri Pahang dan pameran produk Pahang.

Program ini diadakan kerana untuk memperkenalkan barangan unik dari kraftangan kepada pengunjung yang hadir terutama pengunjung luar negara. Ini salah satu cara untuk menarik perhatian pengunjung luar. PAHANG PRIDE berada dibawah penjenamaan pengeluaran produk Pahang. Objektif penjenamaan ini diiktirafkan kerana untuk mewujudkan satu jenama khusus yang telah dihasilkan oleh usahawan-usahawan negeri Pahang. Dengan menggunakan penjenamaan ini usahawan dapat memperkembangkan hasil kraftangan mereka.



### 1.3 Penyataan Masalah

Dalam kajian ini terdapat beberapa penyataan masalah yang telah dikemukakan oleh pengkaji iaitu :

- 1) Teknik promosi yang digunakan oleh pihak kraftangan tidak strategi.
  - Ini dapat dilihat dimana masyarakat kini kurang pengetahuan mengenai kraftangan yang ada pada masa kini. Masyarakat juga berkemungkinan tidak akan mengetahui barangan kraftangan yang manakah semakin meningkat dan lebih mendapat sambutan kepada orang ramai.
- 2) Kekurangan bahan mentah atau tenaga pakar dalam penghasilan kraftangan.
  - Dalam menghasilkan kraftangan yang berkualiti ia memerlukan sumber bahan mentah agar kraftangan tersebut original sepenuhnya. Ia tidak perlu percampuran bahan sumber untuk kelihatan lebih berkualiti. Seterusnya, kekurangan sumber tenaga yang pakar juga boleh mengundang masalah kerana jika mendapat permintaan yang tinggi ia akan memakan masa dalam menghasilkannya. Selain itu, kekurangan tenaga pakar akan berkurang pelapis untuk meneruskan dalam penyediaan kraftangan.
- 3) Cabaran yang dihadapi dalam pengurusan kraftangan di Kuantan dan masih tiada inisiatif yang kukuh untuk menanganinya.
  - Dalam ingin memperkembangkan kraftangan pihak kraftangan mungkin akan mengalami cabaran dan masalah dalam meneruskannya. Walaupun telah merancang dalam organisasi tersebut pihak kraftangan harus ada inisiatif lain dalam menjayakan perancangan yang telah ditetapkan. Hal ini kerana jika berlaku sebarang masalah, mereka tidak akan berasa runsing jika mempunyai perancangan lain.

## 1.4 Objektif Kajian

Dalam kajian ini mestilah mempunyai objektif tersendiri untuk memastikan kajian yang dijalankan akan berjalan dengan lancar dan menjawab objektif yang ditetapkan. Terdapat tiga objektif dalam kajian ini dan ia merupakan :

- 1) Mengenalpasti pengurusan dalam mempromosikan kraftangan di Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, Pahang.

Untuk memperkembangkan kraftangan usahawan Pahang, ia memerlukan teknik promosi yang berkesan dalam memperkenalkan kraftangan yang dihasilkan. Dengan adanya promosi yang strategik ia dapat menarik lebih ramai pengunjung dalam dan luar negara. Ini juga dapat meningkatkan permintaan daripada pelanggan jika mereka berminat dengan kraftangan yang telah dihasilkan.

- 2) Mengkaji penyediaan alatan yang digunakan dalam menghasilkan kraftangan di Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, Pahang.

Untuk menghasilkan kraftangan yang berkualiti dan tahan lama ia memerlukan alatan yang lengkap untuk menghasilkan barangan kraftangan tersebut. Ia juga memastikan sumber barangan untuk menghasilkan kraftangan mencukupi dan disebabkan itu pelanggan akan berpuas hati dan tidak mustahil akan menjadi pelanggan tetap dalam industri kraftangan. Tenaga pakar yang ramai juga bagus kerana ia dapat menghasilkan pelbagai hasil kraftangan.

- 3) Meneliti cabaran yang dihadapi oleh pihak kraftangan dan cara penyelesaiannya yang telah dilakukan untuk memperbaikinya.

Dalam pengurusan kraftangan akan mempunyai cabaran dari pelbagai aspek dan ia mesti diteruskan bagi mengekalkan kraftangan yang ada. Oleh itu, penyelidik akan mengkaji apakah cabaran yang telah dihadapi oleh PKK, Pahang. Malah bukan sahaja akan mengkaji cabaran tetapi usaha mereka dalam menyelesaikan cabaran yang dihadapi. Dengan usaha yang dijalankan adakah mereka berjaya dalam menyelesaikannya dan usaha tersebut boleh digunakan pada masa hadapan juga.

### **1.5 Soalan Kajian**

Dalam kajian ini pengkaji telah menyediakan beberapa soalan untuk ditanyakan kepada pihak kraftangan. Soalan-soalan yang dikemukakan berkaitan dengan pengurusan pihak kraftangan dalam menguruskan dan memperkembangkan kraftangan di PKK, Pahang. Soalan ini juga akan ditujukan kepada informen yang mempunyai pengalaman dan kemahiran dalam menghasilkan sebuah kraftangan yang berkualiti.

Antara soalan-soalan yang dikemukakan ialah bagaimana sistem pengurusan yang digunakan oleh pihak kraftangan PKK, Pahang dalam mempromosikan kraftangan yang terdapat di situ. Seterusnya, apakah bahan atau alatan yang digunakan oleh pihak PKK, Pahang dalam menghasilkan kraftangan tersebut. Dan akhir sekali apakah cabaran yang telah pihak PKK, Pahang hadapi dan cara penyelesaian pihak mereka dalam menanganinya.

Soalan-soalan ini ditanyakan kerana ia membantu pengkaji dalam kajiannya iaitu pengurusan kraftangan. Ia juga dapat mengetahui sejauhmanakah penerimaan masyarakat terhadap kraftangan dan perkembangan kraftangan.

## **1.6 Skop Kajian**

Dalam kajian ini, pengkaji telah memfokuskan kepada pengurusan kraftangan di PKK, Pahang. Antara perkara yang telah difokuskan ialah pihak kraftangan dalam mempromosikan kraftangan yang terdapat di PKK, Pahang. Seterusnya, pengkaji ingin mengkaji alatan yang digunakan untuk menghasilkan sebuah kraftangan yang berkualiti dan tahan lama. Dan akhir sekali ialah pengkaji meneliti cabaran yang dihadapi dan usaha pihak kraftangan dalam menanganinya.

Pengkaji memfokuskan perkara tersebut berdasarkan objektif yang telah ditetapkan dan dari situ pengkaji akan memperolehi maklumat dalam kajiannya. Pengkaji akan mendapatkan maklumat tersebut dengan pelbagai kaedah yang digunakan dan maklumat-maklumat itu akan dijadikan maklumat untuk bab seterusnya.

## **1.7 Kepentingan Kajian**

Dalam kajian ini terdapat beberapa perkara penting yang telah pengkaji ingin kaji. Pentingnya isi-isi ini untuk memperkembangkan lagi idea pengkaji mengenai pengurusan kraftangan dan meminta pihak kraftangan juga bekerjasama dengan pengkaji untuk berkongsi maklumat. Dalam kajian ini juga penting kerana ia dapat mengetahui tentang pengurusan mereka dan lebih mengenali orang-orang yang mempunyai kemahiran atau pengalaman dalam menghasilkan sebuah kraftangan yang berkualiti dihasilkan dengan cara tradisional sehingga mendapat sambutan daripada orang ramai. Kraftangan ini sangat penting kerana ia merupakan sebuah tradisi yang menjadi turun temurun dan harus dijaga dengan baik oleh orang yang bertanggungjawab. Kita juga kena lahirkan sifat sayang akan kraftangan kita kepada semua orang agar ia selalu dijaga dan diperlihara.

Antara kepentingan kajian pengkaji dalam kajian ini ialah untuk mengetahui cara pengurusan mereka dalam mempromosikan kraftangan di kraftangan, Pahang. Hal ini kerana untuk mendapat sambutan pembelian daripada pelanggan atau mengenal atau memperkembangkan kraftangan kepada masyarakat ia memerlukan perancangan yang strategik dalam mempromosikan kraftangan tersebut. Dengan promosi yang besar sehingga dikenali oleh masyarakat dalam dan luar negara ia dapat mengekalkan seni warisan kraftangan kita kepada setiap generasi baru.

Seterusnya ia menjadi kepentingan dalam kajian kerana dalam menghasilkan sebuah kraftangan yang berkualiti ia memerlukan alatan atau sumber yang berkualiti. Ini kerana untuk menghasilkan sebuah kraftangan yang tahan lama, mempunyai nilai estetika dan berkualiti ia memerlukan cara pembuatan yang tradisional serta penggunaan sumber semulajadi dalam pembuatan kraftangan tersebut. Untuk menghasilkan kraftangan sebegitu ia memerlukan pengkarya yang mempunyai kemahiran dan pengalaman yang lama untuk menghasilkan kraftangan tersebut.

Kepentingan seterusnya ialah untuk menjayakan sesebuah kraftangan yang berkualiti ia mestilah mempunyai cabaran dan oleh disebabkan itu jalan penyelesaian juga harus dilakukan agar dapat memperbaikinya untuk masa akan datang. Ini dapat dikaitkan dimana dengan perkembangan dunia pada masa kini menyebabkan banyak cabaran dan persaingan yang berlaku untuk memperluaskan perniagaan atau pemasaran produk masing-masing dimana ia mempunyai keistimewaan yang tersendiri. Oleh itu, mereka juga perlu bekerjasama dalam memperbaiki dan memikirkan inisiatif baru untuk membaiki permasalahan atau cabaran yang datang dalam organisasi tersebut.

## **1.8 Rumusan**

Untuk kesimpulan pada bab satu ini ia telah menerangkan beberapa perkara penting seperti latar belakang, pernyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian, skop kajian dan kepentingan kajian di mana pengkaji menggunakan maklumat ini untuk mengkaji kajiannya. Perkara di atas juga digunakan untuk memperkembangkan maklumat dalam kajian pengkaji mengenai pengurusan kraftangan. Oleh itu, pengkaji juga akan membuat analisis kajian lepas mengenai kraftangan atau yang berkaitan dengan kajian pengkaji untuk mengukuhkan pernyataan-pernyataan pengkaji pada bab dua.

## **BAB 2 : SOROTAN KESUSASTERAAN**

### **PENGURUSAN KRAFTANGAN DI PKKM, PAHANG**

#### **2.1 Pengenalan**

Dalam bab dua ini pengkaji telah mencari dari sumber-sumber lain seperti buku, jurnal, artikel, media sosial sebagai sokongan dan banyak lagi untuk mengukuhkan lagi kajian pengkaji. Dan maklumat tersebut adalah berdasarkan kajian-kajian lepas yang telah dibuat oleh pengkaji lepas. Dengan maklumat ini ia dapat membantu pengkaji dalam mengembangkan ideanya dalam kajiannya.

Kraftangan merupakan seni yang harus dikekalkan sampai bila-bila agar setiap generasi baru dapat mengenali kraftangan di negara kita. Bukan sahaja dapat memperkenalkan malah tidak mustahil dikalangan mereka akan meneruskan penjagaan kraftangan untuk generasi seterusnya. Oleh itu, mereka haruslah di didik dengan awal untuk menghargai kesenian yang dihasilkan oleh pengkarya terdahulu. Kraftangan terdapat pelbagai jenis diantaranya ukiran, batik, tenunan, tembikar, anyaman, tekat, perhiasan diri, alat pertahanan diri, alat permainan dan alat domestik. Jenis-jenis kraf ini juga mempunyai ciri yang tersendiri dan penghasilan yang berbeza-beza. Kraf ini juga merupakan dikenali masyarakat dan ia harus dikekalkan untuk setiap generasi ke generasi yang baru agar ia dapat diperluaskan sampai bila-bila. Kita juga haruslah menghargai setiap kraf yang dihasilkan oleh mereka yang berbakat kerana untuk menghasilkan sebuah kraf yang cantik, berkualiti, tahan lama dan menggunakan sumber bahan semulajadi bukan perkara yang mudah.

Kraf yang berkualiti ialah penghasilan sepenuhnya daripada sumber bahan semulajadi dan ini boleh menarik minat kepada mereka yang sangat menghargai terhadap seni. Jenis-jenis

kraf itu dipecahkan lagi sebagai contoh labu sayong, belanga dan terenang merupakan tembikar. Manakala kerongsang, cucuk sanggul dan pending merupakan bahan perhiasan diri. Ini dapat dilihat bahawa kraftangan sangat luas dan mempunyai keistimewaan yang tersendiri. Kraftangan seharusnya dijaga dengan baik agar ia berkekalan untuk masa akan datang dan diwarisi oleh generasi akan datang. Hal ini kerana jika kraftangan dijaga dengan sebaiknya tidak mustahil ia dapat menjana ekonomi individu dan ekonomi negara serta merta.

### **2.1.1 Kraftangan Manik**

Berikut merupakan kajian lepas yang juga membuat kajian mengenai kraftangan dan ia dapat dijadikan pengukuhan dalam kajian ini. “Barangan kraftangan dan manik keluaran Negara masih gagal menembusi pasaran antarabangsa malah Malaysia tidak tersenarai dalam data-data pengeksporth produk seni warisan dunia ini.” (Utusan Malaysia, 4 Ogos 2006. p. 4). Ini merupakan salah satu masalah kenapa kraftangan Malaysia tidak berkembang. Disebabkan ia tidak tersenarai di peringkat antarabangsa ia boleh mengganggu ekonomi negara kerana pasaran kraftangan tidak menonjol. Salah satu faktor yang menyebabkan berlakunya hal sebegini kerana cara mereka memperkenalkan kraftangan kepada masyarakat kurang mendapat sambutan. Contohnya, cara mereka membuat promosi atau aktiviti untuk menarik masyarakat mengenali kraftangan tidak strategik menyebabkan kraftangan tidak mendapat sambutan yang tinggi.

Seterusnya, berdasarkan maklumat yang diperolehi dari petikan (Dewan Budaya, Julai 12, p. 12) menyatakan “kegagalan ini menyebabkan Malaysia tidak mampu menjadikan hasil seni sebagai bahan dagang yang boleh memberikan pulangan kepada ekonomi negara.” Ini kerana pemasaran kraftangan tidak tersenarai diantara antarabangsa. Dalam mengekalkan sebuah warisan seni mereka juga akan memastikan barangan tersebut mendapat pulangan. Sebagai